

PULAU PINANG, 29 SEPT. (BERNAMA) -- SAORANG
ANGGOTA TERTINGGI UMNO MALAYSIA, DR. MAHADHIR
MOHAMAD MENYATAKAN BAHAWA PENDAPAT-PENDAPAT IKHLASNYA
TIDAK MENDAPAT PERTIMBANGAN YANG ADIL DARI SABAHAGIAN MASYARAKAT
NEGARA INI KERANA BURUK SANGKA YANG TELAH MEREKA SIMPAN TERHADAP-NYA.
BELIAU MENYATAKAN MASALAHNYA ITU KETIKA BERUCAP KEPADA
CAWANGAN PERSATUAN MAHASISWA-MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA DI
SINI SEMALAM.

MENURUT BELIAU, SABILANGAN MASYARAKAT MELIHAT CAP-
CAP DI LUAR SAHAJA TANPA MENILAI ISI SABELUM MEMBUAT KEPUTUSAN
MEMBELI ATAU TIDAK.

'SAYA PERNAH DI GELAR PELAMPAU, BERSIFAT PERKAUMAN
DAN BERMACAM-MACAM LAGI,' KATA BELIAU.

'INI ADALAH CARA YANG PALING MUDAH BAGI MEMBUNUH MARUAH
SASAORANG KERANA APA SAJA YANG MANGSA TERSEBUT NYATAKAN,
SELEPAS ITU PASTI DIANGGAP HITAM DAN BURUK,' UJARNYA.

'WALAU BAGAIMANA PUN INILAH YANG HARUS SAYA TERIMA
AKIBAT MEMBENTANGKAN PERKARA-PERKARA BENAR YANG MAHU DI
TUTUP OLEH SATENGAH-SATENGAH PEHAK,' UJAR BELIAU.

'SAYA TETAP AKAN MENERUSKAN KATA-KATA YANG TELAH SAYA
LAFADZKAN SEKALI PUN PEHAK-PEHAK TERSEBUT BENCI MEN-
DENGARNYA.' -- BERNAMA 2227/ZCM